

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN LAUT WILAYAH UTARA
(PEJABAT PELABUHAN KUAH LANGKAWI)

OLEH :

MOHD YUZAI DI BIN MOHD YUSOF
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

CN: 2290

1100039918



LI 44 FPE 2 2005



1100039918
 Laporan akhir latihan industri di Jabatan Laut Wilayah Utara
 (Pejabat Pelabuhan Kuah Langkawi) / Mohd Yuzaidi Mohd
 Yusof.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
 21030 KUALA TERENGGANU

1100039918		

Lihat sebelah

HAK MILIK
 PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI
 44
 FPE
 2
 2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN LAUT WILAYAH UTARA
(PEJABAT PELABUHAN KUAH, LANGKAWI)**

OLEH :

MOHD YUZAIDI BIN MOHD YUSOF

(UK 8344)

SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada:

**Jabatan Pengurusan dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Mohd Yuzaidi bin Mohd Yusof mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Mohd Yuzaidi bin Mohd Yusof

Tarikh: 24 / November / 2005

Disahkan oleh:



Encik Mohd Rizal bin Ismail

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PRAKATA

Latihan Industri (LI) ini adalah satu Latihan Pratik yang merupakan salah satu program wajib fakulti yang telah disyaratkan kepada pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi untuk menamatkan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Maritim). Latihan Industri diwajibkan ke atas pelajar-pelajar tahun dua semester empat.

Latihan Industri ini mengambil masa selama 12 minggu untuk ditamatkan oleh pelajar bermula dari 21 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005. Di sepanjang tempoh itu, para pelajar akan ditempatkan di firma-firma swasta ataupun di badan-badan kerajaan untuk mendalami bidang-bidang kerja pentadbiran dan pengurusan organisasi yang berkaitan dengan pengkhususan pelajar.

Semasa menjalani Latihan Industri ini, pelatih akan dapat mengaplikasikan teori yang telah dipelajari semasa kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Selain itu, pelatih juga akan mendapat pengalaman dan kemahiran asas di alam pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian. Pelatih juga dapat menjalin dan mengekalkan hubungan baik dengan kakitangan organisasi di dalam bidang masing-masing. Selain itu, pelatih juga dapat memahami erti dan etika profesionalisme alam pekerjaan di dalam bidang maritime semasa tempoh latihan berlangsung.

Selain itu, sepanjang tempoh Latihan Industri pelajar telah diselia oleh kakitangan organisasi dan juga penyelarar dari pihak Universiti. Penyelia organisasi bertanggungjawab untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar di bawah pengawasannya. Manakala penyelarar pula bertanggungjawab untuk menilai laporan pelajar dan memutuskan gred yang akan diperolehi oleh pelajar.

Walaupun dalam tempoh yang singkat iaitu selama tiga bulan sahaja, namun sewajarnya sebagai seorang bakal graduan pelajar seharusnya mampu untuk mempelajari dan memahami ilmu-ilmu yang dipelajari semasa menjalani Program Latihan Industri. Semoga matlamat Latihan Industri ini tercapai dengan jayanya.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya telah berjaya menyempurnakan segala tanggungjawab yang telah diberikan. Jutaan penghargaan ingin diucapkan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberi sepenuh kepercayaan saya, untuk keluar mencari ilmu pengetahuan di alam pekerjaan secara teori dan juga praktikal. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Encik Mohd Rizal bin Ismail yang telah banyak memberi dorongan dan khidmat nasihat semasa dan juga selepas tamat latihan industri ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Laut Wilayah Utara yang sudi menerima kehadiran saya untuk menjalani latihan industri di Pejabat Pelabuhan Kuah, Langkawi dan memberi peluang kepada saya untuk mendalami ilmu dalam bidang maritim secara lebih dekat. Terima Kasih kepada Penyelia saya iaitu Encik Mohd Tarmizi bin Wahid@Awang yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya semasa dalam proses latihan industri ini dijalankan dan tidak lupa juga kepada semua warga kerja Pejabat Pelabuhan Kuah, Langkawi yang turut berkongsi pengalaman dan memberi khidmat nasihat kepada saya. Tidak lupa juga kepada ibu bapa, keluarga, sahabat-sahabat dan Cik Siti Nurfaritini binti Mahazan yang banyak memberi dorongan semasa proses latihan ini berlangsung. Akhir kata terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dari awal proses latihan industri sehinggalah laporan ini berjaya disiapkan.

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
Prakata	iii
Penghargaan	iv
Senarai Rajah, Carta dan Jadual	viii
Ringkasan Eksekutif	ix
BAB SATU : PENGENALAN	
Sejarah dan Latarbelakang	1
Objektif, Misi dan Visi	3
Dasar Kualiti	4
Aset-Aset Yang Dimiliki	6
Akta dan Konvensyen yang Digunapakai	6
Fungsi Utama	7
Sistem yang Mendapat Pengiktirafan Sijil ISO 9002	8
Piagam Pelanggan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	8
Bidang Kuasa (Perhubungan Laut)	10
Latarbelakang Pejabat Pelabuhan Kuah	12
Aktiviti Asas Pejabat Pelabuhan Kuah	14
Sistem-Sistem Kerja Pejabat Pelabuhan Kuah	15
Latarbelakang Jabatan Laut Wilayah Utara	18
Aktiviti Asas Jabatan Laut Wilayah Utara	19
Senarai Cawangan Pejabat Pelabuhan Di Wilayah Utara	20
Piagam Pelanggan Jabatan Laut Wilayah Utara	23
Kemahiran Yang Dipelajari	24
BAB DUA: PENGENALPASTIAN SISTEM KERJA, MASALAH, CADANGAN PENYELESAIAN DAN IMPLIKASINYA	
Pengenalpastian Sistem Kerja Pemeriksaan Feri (Feri Survey)	26
Pengenalpastian Masalah	28
Cadangan Penyelesaian dan Implikasi	29
Pemeriksaan Pembaharuan Lesen Bot Penumpang	30

Pengenalpastian Masalah	34
Cadangan Penyelesaian dan Implikasi	35
Pelepasan dan Ketibaan Kapal	36
Pengenalpastian Masalah	39
Cadangan Penyelesaian dan Implikasi	43
BAB TIGA : PENUTUP	
Lakaran Pengharapan	45

Rujukan

Lampiran

SENARAI RAJAH

		Mukasurat
Rajah 1	Ibu Pejabat Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	1
Rajah 2	Negeri dan Kawasan Di Bawah Kuasa Jabatan Laut Wilayah Utara	12

SENARAI CARTA

Carta 1	Carta Organisasi Asas Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	2
Carta 2	Carta Organisasi Pejabat Pelabuhan Kuah, Langkawi	14
Carta 3	Carta Aliran Pemeriksaan Feri (Ferry Survey)	28
Carta 4	Carta Aliran Pemeriksaan Pembaharuan Lesen Bot Penumpang	34
Carta 5	Carta Aliran Pelepasan dan Ketibaan Kapal	39

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Aset-Aset Yang Dimiliki Oleh Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	6
Jadual 2	Senarai Pelabuhan Yang Berada Di Bawah Bidang Kuasa Jabatan Laut	11
Jadual 3	Senarai Kod dan Hasil Jabatan Laut Wilayah Utara	16
Jadual 4	Bayaran Dokumen Pelaut	17
Jadual 5	Cawangan-Cawangan Jabatan Laut Wilayah Utara	20
Jadual 6	Jadual Perjalanan Feri di Kuah, Kuala Perlis dan Kuala Kedah Bagi Hari-Hari Biasa	40

RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di bawah Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam telah membuat satu inisiatif yang sangat baik iaitu mengadakan Program Latihan Industri . Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelatih agar dapat merasai profesion pekerjaan yang sebenar. Selain itu, ia menguji kebolehan pelatih mengaplikasikan segala ilmu yang telah dipelajari di dalam kuliah. Sepanjang dua belas minggu menjalani Latihan Industri di Pejabat Pelabuhan Kuah, pelatih telah ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan Pejabat Pelabuhan. Di bahagian ini pelatih banyak belajar tentang fungsi-fungsi Pejabat Pelabuhan itu sendiri. Bermula daripada cara untuk membuat "port clearance" bagi sesebuah feri sehinggalah cara untuk merekod maklumat ketibaan dan pelepasan kapal ke dalam sistem MAPASS. Pelatih juga ditugaskan bersama-sama dengan pegawai di Pejabat Pelabuhan untuk melakukan pemeriksaan feri dan pemeriksaan bot. dalam erti kata lain, pelatih bukan sahaja bekerja di dalam pejabat, pelatih juga dibawa untuk melakukan tugas-tugas luar semasa di sana. Pegawai-pegawai di sana juga turut memberi tunjuk ajar dan nasihat-nasihat yang berguna bagi membantu pelatih menyiapkan laporan ini juga sekaligus menjadi panduan kepada pelatih apabila memasuki alam pekerjaan satu hari nanti. Sepanjang latihan ini juga, pelatih telah menemui beberapa masalah penting tentang sistem kerja yang perlu diberi perhatian oleh pihak Pejabat Pelabuhan Kuah khususnya dan pihak Jabatan Laut amnya. Masalah-masalah yang dikenalpasti adalah masalah semasa menjalankan Pemeriksaan Feri (Ferry Survey), Pembaharuan Lesen Bot Penumpang dan masalah di dalam sistem Pelepasan dan Ketibaan Kapal bagi feri penumpang di Jeti Kuah, Langkawi. Masalah ini sudah dikaji dan diperhatikan oleh pelatih sepanjang tiga bulan di sana. Pelatih berpendapat, Program Latihan Industri ini telah banyak membantu meningkatkan keyakinan pelatih berhadapan dengan situasi mencabar dan menguji pelatih supaya bijak menanganinya dengan baik. Secara tidak langsung, Latihan Industri ini memperlengkapkan lagi persediaan bakal-bakal graduan Sarjana Muda Pengurusan Maritim sebelum melangkah ke dunia pekerjaan sebenar setelah bergraduasi.